



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 12 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **911 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **68,084 kes** (82.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 12 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,937 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **82,246 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 13,751 kes. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat dua (2) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah 1,935 kes.

Negeri Selangor masih melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak **823 kes (42.5 peratus)** di mana **714 kes (86.8 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang giat dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh negeri Sabah sebanyak **429 kes (22.1 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **238 kes (12.3 peratus).**

Sebanyak **725 kes (37.4 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (565 kes), Kluster Rumah Merah (112 kes), Kluster Tembok (43 kes), dan Kluster Penjara Seberang Perai (5 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **121 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **66 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **sembilan (9) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **411 kes (0.50 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
403	47390	Johor	Lelaki (WN)	41	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis dan obesiti
404	52970	Sabah	Lelaki (WN)	58	Hospital Tuaran	Penyakit kencing manis dan buah pinggang kronik
405	64325	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	84	Hospital Pulau Pinang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dislipidemia dan buah pinggang kronik

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
406	67155	Johor	Lelaki (WN)	71	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis dan buah pinggang kronik
407	67928	Johor	Perempuan (WN)	49	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik dan strok
408	78952	Sabah	Lelaki (WN)	74	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, hipotiroidisme dan gout
409	79026	Sabah	Lelaki (WN)	65	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia
410	69654	Selangor	Lelaki (BWN)	33	Hospital Sungai Buloh	-
411	79027	Sabah	Lelaki (BWN)	38	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit lumpuh

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara .

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 12 Disember 2020, terdapat sebanyak **410 kluster** telah dilaporkan termasuk **tiga (3) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **221 kluster** termasuk **empat (4) kluster** yang tamat iaitu Kluster Abell di Sarawak, Kluster Seridana di Wilayah Persekutuan Putrajaya serta Kluster Limbungan dan Kluster Bina Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **189 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **56 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Penjara Jalan Harapan (565 kes)**, **Kluster Rumah Merah (112 kes)** dan **Kluster Tapak Bina Berangan (69 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **tiga (3) kluster** baharu yang kesemuanya melibatkan tempat kerja telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER BUKIT GEMOK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tawau di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-70411) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Disember 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 12 Disember 2020, sejumlah 71 individu telah disaring, di mana **10 kes** telah dikesan positif COVID-19.

2. KLUSTER TAPAK BINA CENDANA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai, Titiwangsa, dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes awal bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 10 Disember 2020 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan sebuah tapak binaan. Sehingga 12 Disember 2020, sejumlah 175 individu telah disaring, di mana **11 kes** telah dikesan positif COVID-

19 dalam kluster ini yang melibatkan satu (1) warganegara dan 10 bukan warganegara.

3. KLUSTER DANG MUTIARA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di negeri Selangor serta daerah Dungun dan Kemaman di negeri Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-75588) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Disember 2020 hasil saringan *sign on* pelantar minyak dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Sehingga 12 Disember 2020, sejumlah 102 individu telah disaring, di mana **10 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam

negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 Disember 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 12 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	429	32,495
SELANGOR	823	20,612
W.P. KUALA LUMPUR	238 (2)	7,946
NEGERI SEMBILAN	49	6,235
KEDAH	16	2,809
PULAU PINANG	102	2,623
JOHOR	105	2,467
PERAK	62	2,357
W.P. LABUAN	11	1,424
SARAWAK	1	1,075
PAHANG	79	802
KELANTAN	1	466
MELAKA	15	426
TERENGGANU	6	250
W.P. PUTRAJAYA	0	215
PERLIS	0	44
JUMLAH KESELURUHAN	1,937 (2)	82,246

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,937 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 12 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 823 kes**

- 664 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 50 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 109 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 429 kes**

- 213 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bukit Gemok**;
- 123 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 93 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 238 kes**

- 202 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Cendana**;
- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 26 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 105 kes**
 - 73 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 102 kes**
 - 71 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 79 kes**
 - 53 kes daripada kluster sedia ada; dan
 - 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 62 kes**
 - 54 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 49 kes**
 - 36 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 16 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 15 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 11 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: Enam (6) kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Dang Mutiara**; dan

- Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Sarawak**: **Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan**: **Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.